



SIARAN MEDIA

EKSPO HALAL MALAYSIA 2019 LANDASAN USAHAWAN MALAYSIA KE OLIMPIK 2020

CYBERJAYA, 8 Januari 2019 - Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) akan menganjurkan **Ekspo Halal Malaysia 2019 (MHE2019)** pada **24 hingga 26 Januari 2019** bertempat di **Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)** dengan tujuan mempromosikan produk dan perkhidmatan halal sebagai inisiatif kepada pelaburan dan perdagangan antara Malaysia dan Jepun. Majlis Pra Pelancaran MHE2019 telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan.

Bertemakan “**Malaysia ke Jepun untuk Olimpik 2020**”, MHE2019 yang akan berlangsung selama tiga (3) hari, adalah susulan Memorandum Kerjasama (MoC) dalam bidang halal antara Kerajaan Malaysia dan Jepun yang telah dimeterai pada 26 November 2018. MoC ini adalah satu usaha untuk memastikan industri halal Malaysia dapat menerokai pasaran Jepun menjelang Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Ekspo Halal ini menyasarkan seramai 10,000 orang pengunjung dengan penglibatan 320 buah *booth* pameran oleh usahawan dari enam (6) kluster iaitu Makanan dan Minuman (F&B), Bahan Ramuan, Bioteknologi, Kosmetik, Penjagaan Kesihatan dan Farmaseutikal serta Logistik. Sebanyak 300 sesi padanan perniagaan dengan 20 pembeli dari Jepun dan syarikat besar sedang diatur dengan anggaran potensi jualan sebanyak RM50 juta.

Perasmian Ekspo Halal Malaysia 2019 akan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 24 Januari 2019 (Khamis) jam 2.30 petang. MED juga bekerjasama dengan Kementerian Belia & Sukan (KBS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) sebagai rakan strategik bagi menjayakan ekspo ini.

Ekspo MHE2019 akan dibuka kepada *trade visitor* mulai 24 hingga 26 Januari 2019 dari 9.00 pagi – 6.00 petang (Khamis – Sabtu) dan kepada lawatan umum pada 26 Januari 2019 dari 9.00 pagi- 6.00 petang (Sabtu).

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web: www.halal-expo.my

Perhubungan Media:

Sharifah Nazira Syed Basir Ahmad | Tel No: 019-2721178 | Email: sharifah.nazira@med.gov.my
Che Hazlina Yusof | Tel No: 012-2695759 | Email: hazlina@med.gov.my